

8 JAN 1996

(Analisis Berita)

## WAJARKAH BAKAL PENGANTIN ISLAM JALANI UJIAN AIDS?

Oleh: ROSLIWATY RAMLY

KUALA LUMPUR: Mewajibkan bakal pengantin Islam menjalani ujian virus AIDS memang langkah yang ideal demi menentukan kelanjutan zuriat yang sihat.

Namun, melaksanakannya bukanlah mudah kerana ia menimbulkan pelbagai implikasi serius.

Perkahwinan biasanya didahului dengan pertunangan untuk tempoh tertentu biasanya setahun atau enam bulan, dan di bawah peraturan ini kelak, bila sampai ketikanya untuk melangsungkan pernikahan dan majlis kenduri, bakal pengantin akan diminta menjalani ujian.

Apakah rancangan perkahwinan yang sudah disusun begitu rapi, setelah dibincangkan oleh kedua-dua pihak dengan semangat penuh persefahaman dan muhibah dan kemudian ditunggu-tunggu sekian sanak saudara dengan penuh rasa gembira, mesti dibatalkan dengan tiba-tiba bila bakal pengantin disahkan mengidap virus ADIS?.

Timbul juga persoalan, apakah pasangan itu tidak boleh meneruskan perkahwinan jika kedua-dua mereka tidak kisah dengan apa jua keputusan ujian?

Menurut doktor, bayi yang lahir dari pasangan yang dijangkiti HIV, iaitu virus yang menyebabkan AIDS, mempunyai risiko 30 peratus mengidap penyakit tersebut.

Syor mengenai peraturan tersebut dibuat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman baru-baru ini.

Walaupun ia belum dikuatkuasakan, tentunya wajar setiap pihak yang terlibat mengkaji sekarang kesan-kesan perlaksanaannya.

Ada pihak yang bertanya mengapa bakal pengantin bukan Islam terkecuali dari peraturan menjalani ujian ini?.

Dr Hamid berpendapat peraturan itu tidak menyusahkan sesiapa sebaliknya ia berfaedah dalam usaha melahirkan generasi Islam mantap dan berkualiti bagi kepentingan negara.

Di bawah peraturan baru itu, kadi atau pendaftar nikah kahwin hanya akan mengeluarkan sijil kebenaran nikah jika dibuktikan mereka bebas dari HIV.

Ia juga satu berita baik buat si-isteri kerana melalui peraturan itu, isteri tidak akan teraniaya kerana mereka mengetahui pasangan yang akan mereka kahwini tidak menghidap penyakit merbahaya seperti HIV.

Sehubungan itulah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kabinet akan membincangkan cadangan itu kerana perkara itu melibatkan orang ramai bukan sahaja orang Islam tetapi juga bukan Islam yang boleh dijangkiti HIV.

Tidak dinafikan, pelbagai langkah dilakukan kerajaan dalam usaha menangani wabak AIDS memandangkan penyakit itu makin membimbangkan dan mengikut rekod kira-kira 300 pembawa kuman HIV baru dilaporkan setiap bulan di seluruh negara.

Jumlah kematian penghidap AIDS dijangka meningkat kerana pada masa ini belum menemui ubat atau vaksin untuk mengubati dan mencegah jangkitan kuman HIV.

Sejak empat kes pertama HIV dikesan pada 1986, bilangannya meningkat dan sehingga Oktober lalu, 13,945 orang disahkan pembawa kuman HIV.

Beberapa orang tokoh memberikan pandangan mengenai peraturan yang dicadangkan itu.

Presiden Majlis AIDS Malaysia, Marina Mahathir menyuarakan rasa tidak

puas hati dan menyifatkan cadangan itu sebagai penghalang hak asasi seseorang.

"Ia juga tidak adil kerana ia mendiskriminasi mereka yang beragama Islam dengan menjadikan pemeriksaan itu mandatori tetapi bagi yang bukan Islam, ujian itu secara sukarela," ujar beliau.

Marina menyebut beberapa langkah lain perlu dijalankan di sebalik peraturan itu. Antaranya ialah ujian itu perlu disertai dengan kaunseling sebelum dan selepas memandangkan implikasi terhadap keputusan wajar dijelaskan.

Sekiranya keputusan itu negatif, ini tidak bermakna pasangan itu bebas daripada HIV memandangkan terdapat "window period" bagi virus itu merebak dalam tubuh seseorang, biasanya tiga bulan - ketika mana virus itu tidak dapat dikesan, tambahnya.

Oleh itu, untuk benar-benar memastikan kesahihan keputusan, pasangan perlu menjalani ujian darah kali kedua selepas tiga hingga enam bulan.

Ini bermakna, pada tempoh itu, mereka tidak boleh melibatkan diri dalam aktiviti berisiko tinggi dan menangguhkan perkahwinan sekurang-kurangnya enam bulan, ujar beliau lagi.

"Sekiranya salah seorang pasangan itu HIV positif, adakah mereka dilarang berkahwin dan apakah langkah yang wajar diambil demi menjaga mereka yang didapati menghidap HIV," tanya Marina.

Beliau menegaskan adalah salah untuk menyekat hak mereka untuk berkahwin semata-mata berlandaskan keputusan HIV sahaja.

"Amat sukar juga untuk merahsiakan keputusan sekiranya pasangan itu dipaksa menangguhkan atau membatalkan majlis perkahwinan kerana perkahwinan melibatkan dua buah keluarga, sanak saudara dan rakan-taulan dan sebarang pembatalan rancangan akan hanya menimbulkan syak wasangka dan menyebabkan trauma emosi yang teruk," katanya.

Sambil menyifatkan cadangan itu tidak mengiktiraf hak sulit pasangan, Marina tidak menolak kemungkinan pasangan yang hendak berkahwin memilih bernikah di luar negara bagi mengelakkan peraturan itu dan pelbagai kerenah pentadbiran.

Sementara itu, para ulama, ahli akademik dan tokoh-tokoh masyarakat mahu kerajaan mengkaji semula cadangan itu secara menyeluruh dan mendalam serta meneliti kesannya sebelum dilaksanakan.

Menurut mereka, pemeriksaan seumpama itu seharusnya lebih khusus kepada mereka yang dianggap berisiko tinggi iaitu pasangan yang didapati mempunyai latarbelakang sebagai penagih dadah, mengamalkan perhubungan seks rambang atau menerima darah tanpa usul periksa.

Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM) Ahmad Awang bertanya, jika ujian perlu dijalankan siapa yang harus menanggung pembiayaan pemeriksaan.

Seorang pakar perubatan Datuk Dr Hashim Nik Omar pula menganggap cadangan itu bukan sahaja merugikan masa dan wang tetapi juga menyulitkan proses perkahwinan seseorang.

Ini disamping peraturan yang sedia ada yang mewajibkan pasangan Islam mengikuti kursus perkahwinan dan memperolehi sijil untuk layak berkahwin sebagaimana yang ditetapkan kebanyakan negeri.

"Masalah akan wujud dalam etika perubatan yang mensyaratkan doktor-doktor tidak mengumumkan kepada orang ketiga apa-apa keputusan mengenai kedudukan kesihatan pesakitnya," jelas Dr Hashim.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan Datuk M. Mahalingam pula berkata, di bawah peraturan yang ada pengambilan darah seseorang di hospital memerlukan persetujuan pihak terbabit.

Begitu juga dalam soal ujian darah untuk mengesan jangkitan HIV. Ia tidak boleh dilakukan secara paksa, ujar Mahalingam.

Setiausaha Kehormat Majlis Perundingan Malaysia (MPM) bagi agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh, R. Thiagaraja menolak cadangan itu.

Pihaknya berpendapat masalah jangkitan HIV adalah berkaitan moral dan sikap seseorang itu sendiri.

Bagaimanapun, sebelum melaksanakan peraturan itu, pihak berkenaan perlu mengambil pendekatan positif yang tidak menyinggung sensitiviti mana-mana pihak.

Ia perlu dijalankan secara berhati-hati agar tidak menimbulkan kesan negatif kepada pihak yang dianggap pembawa HIV. -- Bernama.